

KEDATANGAN ISLAM KE ASIA TENGGARA

AHMAD NZRYSHAH B. MOHAMED KHALID

PENGENALAN

- Negara – negara di Asia Tenggara terletak di laluan **strategik** antara Timur dan Barat.
- Selat Melaka adalah **laluan** utama untuk ke India dan China.
- Oleh itu wujud **pelabuhan** penting seperti Perlak, Sriwijaya, Melaka atau Pasai di sepanjang laluan tersebut.
- Pelabuhan ini menjalinkan **hubungan** dagang dengan pelabuhan lain yang ada di India dan China.
- Tiupan Angin **Monsoon** menjadi antara faktor pertemua pedagang dari pelusuk dunia.
- Tanah Besar Asia juga boleh dihubungkan melalui **Jalan Sutera**.
- **Kekayaan** Sumber di Asia Tenggara juga menjadi faktor mengapa ia dikunjungi.
- Para **Pedagang Islam** telah berdakwah ke seluruh rantau Asia Tenggara.



TEORI ISLAM DATANG DARI SEMENANJUNG TANAH ARAB

- TOKOH : **JOHN CRAWFORD** & **PROF. SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS**
- MULA : Bermula sejak Abad **Ke 7 Masihi.**

TEORI ISLAM DATANG DARI SEMENANJUNG TANAH ARAB : **TEORI JOHN CRAWFORD**

- **Catatan China** – Orang Arab dan Parsi sudah mempunyai penempatan di **Canton (Amoy)** sejak abad ke 300M
- Pedagang Arab menguasai perdagangan laun dari Iskandariah hingga ke China.
- Pelabuhan Asia Tenggara menjadi tempat **persinggahan** pedagang arab sebelum ke China.
- Menunggu pertukaran angin **monsun** untuk ke China, yang mengambil masa beberapa bulan sebelum meneruskan perjalanan ke China.
- Tempoh menunggu yang lama , berkehendakkan mereka membina **kampung**.

TEORI ISLAM DATANG DARI SEMENANJUNG TANAH ARAB : **TEORI JOHN CRAWFORD**

- Perkampungan **menjadi** tempat berdagang, kumpul barang , jualan dan membeli barang mewah dari India dan China.
- Tempoh **menunggu** yang lama, membolehkan mereka berinteraksi dan berkomunikasi berkenaan agama dan kepercayaan dengan penduduk tempatan.
- Orang tempatan **tertarik** dengan islam kerana :
 - a) Kemurnian Islam
 - b) Cara hidup masyarakat arab yang diamalkan.
- Ada dalam kalangan mereka **berkahwin** dengan orang tempatan.
- Catatan China membuktikan ada satu lagi penempatan wujud iaitu **TA SHIH** di Sumatera Utara

TEORI ISLAM DATANG DARI SEMENANJUNG TANAH ARAB : **PROF. SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS**

- Tulisan **JAWI** diambil daripada Bahasa Arab.

- Wujud **persamaan** Bahan Penulisan dan Kesusasteraan di Asia Tenggara.
- **Adat** Resam dan Budaya orang melayu yang mempunyai **unsur** Arab seperti :
 - (a) Amalan Menghormati **Tetamu**
 - (b) **Muzik** Melayu seperti Dabus dan Tarian Zapin.
- **Pengislaman** Raja Melayu oleh Sheikh dari Semenanjung Arab seperti yang tercatat dalam Karya Tempatan.
 - (a) Hikayat **Raja Pasai** menceritakan pengislaman Malik al-salih oleh Syeikh Ismail.
 - (b) Syeikh Said (Phya Tu Nakpa), pula mengislamkan **Raja Patani**.

TEORI ISLAM DATANG DARI SEMENANJUNG TANAH ARAB : **BUKTI TAMBAHAN**

- **Kitab melayu** yang dihasilkan mempunyai pengaruh bahasa dan gaya penulisan Arab seperti Hikayat Nabi Bercukur
- **Kitab awal** yang dikarang ulamak tidak mempunyai unsur China dan India.
- Terdapat **penggunaan** Bahasa Arab dalam kitab tempatan seperti Hadis, Al Quran dan Tauhid. Ini membuktikan bahawa sumber rujukan daripada Semenanjung Arab.

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGARA CHINA

- TOKOH : **EMENUEL GADINHO EREDIA** dan disokong oleh **S.Q FATIMI**
- MULA : Bermula sejak Abad **Ke 9 Masihi**.

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGERI CHINA :
EMENUEL GADINHO EREDIA

- Canton (**Ghuang Zhou**) merupakan pusat perniagaan pedagang islam berketurunan arab sejak abad ke 9M
- Agama islam disebarkan di negeri China melalui **Perdagangan**.
- Pedagang **Cina Islam** pula berdagang ke Asia Tenggara dan menyebarkan agama islam kepada masyarakat Asia Tenggara.

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGERI CHINA : S.Q FATIMI

- Pada 876M telah berlaku **perpindahan** beramai – ramai pedagang islam di Canton (Amoy) ke Asia Tenggara.
- **Batu Bersurat** Terengganu yang ditemui di Kuala Sg. Tersat, Kuala Berang mengukuhkan teori Islam datang dari Negeri China.
- Menurut Syed Naquib Al-Attas, **kandungan** Batu Bersurat Terengganu berkenaan :
 - a. Kewajipan menjalankan hukum syarak
 - b. Peraturan dan undang – undang kekeluargaan
 - c. Hukuman terhadap penzina dan hukuman tidak membayar hutang.
- Kerajaan Terengganu **bergantung** kepada aktiviti perdagangan.

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGERI CHINA : BUKTI TAMBAHAN

- Sepasang **Batu Nisan** yang mempunyai tulisan ayat – ayat ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pahang pada 1953.
- Bukti islam dibawa melalui **laut China Selatan** dari Negeri China ke Phang Rang, Indochina dan kemudian ke Pekan Pahang.
- Terdapat persamaan unsur **senibina** Masjid di Nusantara dengan senibina di yang terdapat di China.
- Unsur China dapat dilihat pada bentuk bumbung masjid di melaka yang mempunya persamaan dengan **Pagoda** (Bahagian hujung perabung kelihatan melentik)
- **Pengaruh** dari china juga dapat dilihat pada atap genting, warna merah dan kuning pada kayu kepala pintu, tingkap, jubin, tangga dll.

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGARA INDIA

- TOKOH : **SNOUCK HURGRONJE** (Sejarahwan Belanda)
- MULA : Bermula sejak Abad Ke **13** Masihi dan **datang** dari wilayah Gujerat dan Pantai Koromendel

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGARA CHINA : **SNOUCK HURGRONJE**

- Hubungan perdagangan telah **lama** berlaku di antara India dengan Asia Tenggara.
- Zaman pemerintahan Alauddin Khilji di India , **Gujerat** telah menjadi pelabuhan penting.
- Pedagang Gujerat telah menyebarkan islam kepada pedagang Asia Tenggara menerusi kegiatan **perdagangan**.
- Batu Nisan dan Batu bersurat yang ditemui di Asia Tenggara mempunyai **persamaan** dengan yang terdapat di Gujerat dan Pantai Koromendel.
 - a. Batu Mar – Mar di makam Malik Ibrahim
 - b. Batu Nisan Malik Al-Salih di Pasai.
- Keduanya mempunyai ciri **buatan** India

TEORI ISLAM DATANG DARI NEGARA INDIA : **MAKLUMAT TAMBAHAN**

- **Kebudayaan** masyarakat Asia Tenggara dipengaruhi oleh Kebudayaan masyarakat India.
- Agama Islam bertapak kuat di India semasa pemerintahan **Kerajaan Delhi**.
- Orang Islam Sepanyol , menghadapi **Perang Salib** , Ramai yang melarikan diri dari Asia Barat ke Timur menerusi pantai selatan india dan terus ke Asia Tenggara.

RUMUSAN :

- Sejarahwan bersetuju bahawa islam tersebar melalui Aktiviti **Perdagangan** dan dibawa oleh Pedagang Islam dari Semenanjung Arab, India dan China.
- Pada peringkat awal islam tersebar di pelabuhan dalam kalangan pedagang sahaja, seterusnya berkembang sehingga kepada seluruh masyarakat Asia Tenggara.
- Karya menunjukkan **pengislaman** raja – raja di Asia Tenggara ;
 - a. Hikayat Merong Mahawangsa – Raja Kedah diislamkan oleh Abdullah al-Yamani.
 - b. Hikayat Aceh – Syed Abdullah Arif mengembangkan islam di Aceh.
 - c. Sejarah Kepulauan Sulu – Sharif Hassan dan Awlia berketurunan arab menyebarkan islam di Kepulauan Sulu.